

Surat khabar: Utusan Borneo (Tempatan)

Hari/Tarikh: 25/2/2016

Muka surat: 7

Tajuk : UNIMAS, KMF meterai MoA kukuhkan sumbangan kepada pelajar perubatan

## UNIMAS, KMF meterai MoA kukuhkan sumbangan kepada pelajar perubatan

**KOTA SAMARAHAN:** Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) dan Yayasan Perubatan Kenyalang (KMF) semalam memeterai Memorandum Perjanjian (MoA) yang mengukuhkan lagi sumbangan kepada pelajar cemerlang Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan UNIMAS.

Dalam MoA berkenaan KMF komited menyumbang geran RM50,000 bagi tempoh lima tahun untuk membantu pelajar perubatan yang cemerlang.

UNIMAS pada majlis

berkenaan diwakili Naib Canselornya Profesor Datuk Dr Mohd Kadim Suaidi manakala KMF diwakili Pengerusinya Senator Datuk Dr Sim Kui Hian dan disaksikan Dekan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan UNIMAS Profesor Dr Ahmad Hata Rasit dan Naib Pengerusi KMF Dr Lim Joo Kiong.

Dr Sim dalam ucapannya berkata, objektif kerjasama sedemikian adalah sebagai usaha memberi balik kepada masyarakat khususnya kepada generasi

masa depan.

Katanya sejak ditubuhkan KMF telah memberi 15 biasiswa kepada rakyat Sarawak dan dua daripadanya bukan pelajar UNIMAS.

“Namun keutamaan kami adalah kepada UNIMAS kerana kami mahu menyokong Fakulti Perubatan UNIMAS agar orang tidak memandang rendah kita dari Borneo.

“Kami juga berharap generasi muda yang mengambil bidang kedokteran atau perubatan berusaha

gigih dan diiktiraf untuk mengekalkan kesinambungan menyumbang balik kepada masyarakat agar generasi masa depan boleh mendapat manfaat,” katanya.

Dr Sim menegaskan, melabur dalam pendidikan tidak salah dan menyifatkan bahawa pendekatan mengajar pelajar perubatan amat penting bagi meneruskan kesinambungan pengetahuan kepada pelajar.

Sementara itu Kadim berkata, MoA yang dijalinkan itu amat bermakna bagi

meneruskan kerjasama sedia ada sejak 2001.

Katanya ia bukan sahaja bagi menggalakkan pelajar merebut hadiah kecemerlangan atau anugerah yang diberikan itu bahkan juga menjadi penentu kepada pelajar bidang perubatan dalam mencapai kecemerlangan.

“Di UNIMAS kami dianggarkan menerima 200 pelajar dalam bidang perubatan dan sains kesihatan termasuk pelajar perubatan dan kejurawatan setiap tahun.

“Sehingga kini enrolmen

kami dalam bidang ini lebih kurang 2,000 pelajar maka kami melihat kerjasama yang terjalin ini amat bermakna dan mengukuhkan lagi kerjasama antara UNIMAS dan KMF,” katanya.

Kadim berkata selain hadiah kecemerlangan, KMF juga telah memberi biasiswa kepada 13 pelajar perubatan UNIMAS sejak penubuhannya.

Kerjasama UNIMAS dan KMF telah terjalin sejak 10 tahun lalu dan telah memberi 70 hadiah kecemerlangan kepada pelajar perubatan UNIMAS sejak 2005.